

# DYNA INHALER

Camphor / Menthol / Eucalyptus Oil (1% w/v / 20% w/v / 10% w/v)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Dyna Inhaler
2. Bagaimana Dyna Inhaler berfungsi
3. Sebelum menggunakan Dyna Inhaler
4. Cara menggunakan Dyna Inhaler
5. Semasa menggunakan Dyna Inhaler
6. Kesan-sesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Dyna Inhaler
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Dyna Inhaler

Digunakan untuk melegakan simptom-simptom hidung tersumbat disebabkan sejuk, selsema, demam alergi.

## Bagaimana Dyna Inhaler berfungsi

Camphor, Menthol and Eucalyptus Oil mengembangkan saluran darah, merangsang reseptor sejuk dan menyebabkan rasa sejuk di dalam hidung.

## Sebelum menggunakan Dyna Inhaler

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Dyna Inhaler pada bayi di bawah umur 2 tahun.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil Dyna Inhaler.

### - Sebelum mula menggunakan Dyna Inhaler

Beritahu doktor jika anda hipersensitif pada kandungan penyediaan ubat.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan Dyna Inhaler

### - Berapa banyak harus digunakan

Guna seperti yang diperlukan.

Masukkan ke dalam setiap rongga hidung dan bernafas sedalamnya.

Arahan yang diberikan mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - Bila perlu digunakan

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan Dyna Inhaler untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Tiada laporan berkaitan dengan terlebih dos.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan Dyna Inhaler

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Dyna Inhaler.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan beri Dyna Inhaler kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Perhatian perlu diberikan apabila kanak-kanak yang lebih tua dirawat. Jangan letakkan mana-mana ubat yang mengandungi camphor ke dalam lubang hidung kanak-kanak. Amaun yang sedikit digunakan dengan cara ini boleh menyebabkan pengsan serta-merta. Elakkan penggunaan yang terus ke dalam rongga hidung.

## Kesan-sesan sampingan

Menthol boleh meningkatkan reaksi hipersensitiviti termasuk keradangan kulit.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)).

## Cara penyimpanan dan pelupusan Dyna Inhaler

### - Penyimpanan

Jauhi ubat daripada kanak-kanak Lindungi daripada cahaya Simpan di tempat kering di bawah 30°C

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Penyedut yang tidak berwarna dengan bauan menthol.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif  
Camphor, Menthol, Eucalyptus Oil

- Bahan-bahan tidak aktif  
Spike Lavender Oil, Liquid Paraffin

### - Nombor MAL

MAL19910630X

## Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk

Dynapharm (M) Sdn. Bhd.  
2497, Mk 1, Lorong Perusahaan Baru 5,  
Kawasan Perusahaan Perai 3, 13600  
Perai, Pulau Pinang, Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

14/09/2018

## Nombor siri:

NPRA(R4/1)130918/00258